



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2015/2016

### Kertas Soalan Peperiksaan

**Kod Kursus** : SJ 4302  
**Nama Kursus** : Acara Sivil Di Mahkamah Syariah  
**Peringkat Kursus** : Sarjana Muda Syariah  
**Masa** : 3 jam

**Rujukan:**

**(Perintah Acara Mal 2005)**

**Nota :**

Jawab LIMA soalan SAHAJA dari ENAM soalan berikut yang mana soalan PERTAMA adalah soalan WAJIB.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**SOALAN PERTAMA - (20 Markah):**

- (a) Bab 17(1) Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184 memperuntukkan bahawa suatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi Syariah terhadap apa-apa keputusan Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah.

Jelaskan tatacara membuat rayuan daripada Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

(10 markah)

- (b) Apakah perkara-perkara yang boleh dibuat rayuan? Berikan contoh.

(5 markah)

- (c) Jelaskan perbezaan antara rayuan dan semakan.

(5 markah)

**SOALAN KEDUA – (10 Markah):**

Dalam membicarakan sesuatu kes, mahkamah lazimnya akan memanggil dan memutuskan kes dengan kehadiran kedua belah pihak yang bertikai (*secara inter parte*). Namun dalam keadaan tertentu, kes terpaksa didengarkan dan diputuskan dengan kehadiran sebelah pihak sahaja (*secara ex parte*).

Jelaskan apakah asas permohonan *ex parte*? Berikan satu contoh kes sebagaimana yang telah awda pelajari.

(10 markah)

**SOALAN KETIGA – (10 Markah):**

- (a) Bab 234 Perintah Acara Mal 2005 memperuntukkan bahawa tiada apa-apa jua dalam Perintah ini boleh disifatkan menghadkan atau menjejaskan kuasa sedia ada pada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu untuk memastikan tidak berlaku ketidakadilan atau penyalahgunaan proses Mahkamah.

Berikan penjelasan mengenainya.

(5 markah)

(b) Berikan definisi bagi perkataan-perkataan berikut:

- i. Kausa Tindakan (1 markah)
- ii. Relief/Remedi (1 markah)
- iii. Soalan Interogatori (1 markah)
- iv. Mutatis mutandis (1 markah)
- v. Jurat (1 markah)

**SOALAN KEEMPAT – (10 Markah):**

Mahkamah boleh pada bila-bila masa, atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, dan atas apa-apa terma yang difikirkannya adil, memerintahkan pindaan bagi membetulkan apa-apa kecacatan atau kesilapan dalam mana-mana prosiding atau apa-apa tindakan yang perlu bagi menentukan perkara yang sebenarnya timbul atau untuk mencapai keadilan di antara pihak-pihak.

- i. Berikan satu contoh kes berhubung 'Prosiding Cacat'. (4 markah)
- ii. Nyatakan mengapa suatu pindaan diperlukan? Berikan satu contoh kes yang berkaitan. (6 markah)

**SOALAN KELIMA – (10 Markah):**

Antara peranan penting seorang Peguam Syar'ie adalah untuk memberikan khidmat guamannya kepada pelanggan demi memenuhi harapan dan permintaan mereka. Dengan harapan anak guam itu, timbul persoalan sama ada Peguam Syar'ie yang dilantik itu akan membela anak guamnya dengan tidak mengambil kira sama ada anak guamnya itu berada di pihak yang benar atau salah. Dalam menentukan sama ada seorang Peguam Syar'ie itu dapat menyempurnakan tugasnya sebagai Peguam Syar'ie, amanah Allah hendaklah diutamakan.

Apakah syarat-syarat kelayakan serta hak-hak seorang Peguam Syar'ie?

(10 markah)

**SOALAN KEENAM – (10 Markah):**

(a) Tiap-tiap pliding perlu mengandungi butir-butir yang cukup bagi fakta-fakta yang menjadi sandaran kepada tuntutan atau pembelaan tersebut.

i. Bagaimana cara untuk meminta atau memohon butir-butir lanjut?

(3 markah)

ii. Draftkan permohonan butir-butir lanjut bagi Pernyataan Tuntutan berikut:

1. Plaintiff telah bernikah dengan Defendan
2. Defendan tidak memberi nafkah kepada Plaintiff
3. Defendan telah melafazkan cerai terhadap Plaintiff

(3 markah)

(b) Jelaskan perbezaan antara Pliding dan Affidavit.

(4 markah)

بالتوفيق والنجاح